

31/08/1997

Gigih perjuang hak negara tertindas

Faizal Fadzil

EMPAT puluh tahun yang lalu, rakyat Malaysia menjeritkan ungguan keramat 'Merdeka' bagi meraikan kejayaan membebaskan diri daripada cengkaman penjajahan Inggeris.

Bagaimanapun, tidak semua elemen penjajahan yang mampu ditolak kepemimpinan Malaysia ketika itu. Satu unsur penting dasar negara yang masih tidak mampu mengetepikan penguasaan penjajah Inggeris ialah dasar luar negara.

Apabila merdeka, Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama dikatakan mengamalkan dasar luar yang 'pro Barat'. Malaysia tidak bersendirian dalam menghadapi masalah itu. Kebanyakan negara dunia ketiga juga menghadapi masalah yang serupa setelah mencapai kemerdekaan.

Contoh neo-kolonialisme terbaik ialah dalam bidang ekonomi yang mana negara-negara yang baru merdeka ketika itu sukar untuk benar-benar bebas daripada negara yang pernah menjajah mereka kerana terlalu lama bergantung kepada 'bekas tuan' sebelum itu.

Bagaimanapun, sedikit demi sedikit Malaysia mula merenggangkan diri daripada terlalu bergantung kepada negara bekas penjajah apabila kekuatan ekonomi mula dikuasai.

Dalam era Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak, Malaysia tidak lagi hanya bergantung kepada semangat setiakawan Britain, malah memberanikan diri bermesra dengan China, negara yang selama ini dianggap sebagai kuasa besar yang paling dicurigai, kerana menyokong perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM) pada zaman darurat.

Menjelang era Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia bukan saja berani memalingkan mukanya ke Timur, malah sanggup 'menyinggung' bekas penjajahnya dengan mengamalkan dasar 'Buy British Last'.

Kesediaan Malaysia untuk mengamalkan dasar luar yang bebas meskipun terpaksa menghadapi kritikan dan tentangan kuasa besar jelas membuktikan amalan dasar luar Malaysia yang bebas.

Jika dilihat daripada perspektif dua ahli sains politik Kanada, Rais A Khan dan James D McNiven, Malaysia menepati satu objektif dasar luar iaitu mempertahankan kebebasan politik yang dimilikinya tanpa sebarang rasa khuatir terhadap mana-mana negara.

Berdasarkan keberanian Malaysia yang bertunjangkan kekuatan agama, ekonomi, sosial dan budaya cemerlang, dasar luar Malaysia kini ditentukan berasaskan acuan dan kehendak kita sendiri mengikut prinsip dan pegangan kepercayaan kita.

Satu ciri penting dasar luar Malaysia yang mungkin tidak disenangi Barat ialah menjadikan Islam sebagai asas kepada pelaksanaan dasar luar negara.

"Malaysia tetap menjadikan Islam sebagai asas dan prinsip dalam pembinaan dasar luar negara," kata bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar, yang kini menjadi Utusan Khas Kepada Perdana Menteri.

Beliau mempertikaikan pandangan sesetengah pihak bahawa Islam tidak pernah dijadikan asas bagi dasar luar Malaysia. Meskipun tidak menggunakan sebarang petikan ayat suci al-Quran dan Hadis, pendekatan moral dan etika Malaysia tetap berasaskan kepada ajaran Islam yang bersifat sejagat.

Antara amalan Islam yang diterapkan dalam dasar luar negara ialah pemerintahan yang dipersetujui rakyat, membuat keputusan berasaskan kesepakatan dan hak untuk melaksanakan hukuman balas.

"Ada pihak tertentu yang berpendapat Islam dalam dasar luar Malaysia hanya wujud jika ia tidak bertentangan dengan interpretasi Malaysia mengenai kepentingan nasional. Saya meminta pihak berkenaan supaya memikirkan semula perkara ini. Interpretasi Malaysia mengenai Islam adalah yang terdekat dengan semangat dan matlamat agama kita, bukan sekadar berasaskan pertimbangan yang singkat dan mempunyai kepentingan sendiri," katanya menyampaikan kertas kerja 'Citra Malaysia Dalam Konteks Politik Global' di satu seminar Mac lalu.

Ahmad Kamil berkata, prinsip dan nilai Islam seperti keadilan sosial, keamanan di kalangan masyarakat dan maruah individu adalah ciri sejagat yang selaras dengan semua peraturan agama dan tamadun di dunia.

Katanya, dalam tahun 1960-an, Malaysia membuktikan ia mengamalkan prinsip Islam yang paling bersifat sejagat iaitu 'manusia adalah sama di hadapan tuhan' apabila mendesak supaya Afrika Selatan diketepikan daripada Komanwel kerana mengamalkan dasar aparteid.

Dasar Luar Malaysia yang bercirikan Islam membuatkan Malaysia mengamalkan dasar terbaik-baik dengan negara jiran serantau, selaras ajaran agama. Langkah Malaysia membenarkan lebih 1.7 juta rakyat asing Islam dan bukan Islam bekerja di negara ini jelas sekali menepati ciri-ciri dasar luar berasaskan Islam yang menuntut negara Islam membantu umat Islam di negara asing mencari rezeki di tempat mereka.

Pendekatan mengukuhkan negara-negara Asean bagi memastikan rantau ini stabil sekaligus membolehkan umat Islam di rantau ini menjalankan kehidupan yang tunduk kepada syariat Allah dalam suasana yang tenang dan bebas.

Dasar Malaysia juga membantu mengukuhkan hubungan dengan negara-negara Islam sedunia dengan menyertai pelbagai kumpulan penggerak yang membantu mengukuhkan kedudukan masyarakat Islam di arena antarabangsa.

Malaysia menjadi anggota Kumpulan Penghubung Bosnia Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang bertanggungjawab untuk mencari jalan membantu mengurangkan kesengsaraan di negara Bosnia-Herzegovina.

Malaysia juga menyumbang tenaga menyertai Kumpulan Pembangunan Lapan OIC (D-8) yang menjadi pemangkin bagi menggerakkan usaha mengukuhkan ekonomi dan pembangunan negara Islam secara keseluruhannya.

Selain itu, Malaysia turut meneruskan perjuangan pemimpin-pemimpin dunia ketiga pada zaman silam apabila Dr Mahathir yang digelar sebagai pemimpin ulung dunia ketiga merintis usaha memperkukuhkan kerjasama sesama negara dunia ketiga yang rata-ratanya masih kecil dan membangun.

Tindakan yang mampu menyelamatkan dunia ketiga daripada dianiaya dan dieksploitasi negara-negara maju juga tidak menyimpang daripada ajaran Islam yang mahu umatnya membantu golongan teraniaya.

Malah, tindakan Malaysia yang mengajak dunia meneliti semula Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 bagi membolehkan ia merangkumi hak negara membangun meraih sesuap nasi menerusi hak meningkatkan ekonomi mereka jelas sekali bermatlamat memperjuangkan nasib golongan yang lemah.

Rumusannya, dasar luar Malaysia sudah mula menayangkan belang dalam membantu melindungi hak manusia sejagat daripada diceroboh golongan tidak bertanggungjawab selaras tuntutan Islam.

(END)